

BAHASA ROJAK DALAM KALANGAN PENDUDUK DI SARAWAK

Mohammed Azlan Mis

azlan_ukm@yahoo.com.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kajian bahasa rojak di Sarawak ini bertujuan memerihalkan bahasa yang digunakan oleh pelbagai suku kaum, iaitu suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau dalam perhubungan sesama mereka sehari-hari. Penggunaan bahasa rojak di negeri Sarawak sama pentingnya dengan bahasa tempatan, seperti bahasa Iban, Melanau, Cina dan dialek Melayu. Bahasa rojak di Sarawak bahasa yang biasa dipilih dalam hubungan antara suku kaum yang pelbagai. Borang soal selidik digunakan untuk mengumpulkan maklumat penggunaan bahasa berlandaskan kerangka kajian pilihan bahasa serta dijumlahkan keseluruhannya mengikut bahasa yang ada digunakan dalam masyarakat tersebut. Kajian ini telah dijalankan di bandar Sarikei. Kaedah yang dipilih ini telah disesuaikan daripada Fishman, Asmah, Holmes dan juga Chua Yan Piaw berlandaskan analisis kekerapan (peratusan). Didapati suku kaum yang pelbagai di negeri Sarawak telah memilih dua bahasa rojak, iaitu bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa rojak Melayu-Iban lebih utama jika dibandingkan dengan bahasa rojak Melayu-Melanau. Bahasa rojak Melayu-Iban digunakan lebih tinggi di Sarawak kerana bahasa ini dipilih oleh tiga suku kaum utama, iaitu Melayu, Iban dan Cina jika dibandingkan dengan bahasa rojak Melayu-Melanau yang hanya digunakan antara suku kaum Melayu dan Melanau sahaja.

Kata kunci: Sarawak, bahasa rojak, penggunaan bahasa, pilihan bahasa, perhubungan, pelbagai suku kaum

Abstract

This research on code-mixing in Sarawak studies the mixed language used by the various ethnic groups there namely the Malays, Ibans, Chinese and Melanau in their day-to-day communication. Code-mixing is equally as important as the local languages (Iban, Melanau, Chinese and the Sarawak Malay dialect). Code-mixing in Sarawak is more common in communication between different ethnic groups. Questionnaires were used to obtain all the information based on the framework of language choice and were then totalled according to the languages spoken in the community. This study was conducted in the town of Sarikei. The method selected has been adapted from Fishman, Asmah, Holmes and Chua Yan Piaw based on percentage frequency analysis. It was found that among the various ethnic groups in Sarawak there were two types of code-mixing: one involving the mixing of Malay and Iban, and the other of Malay and Melanau. However, the Malay-Iban mix is more common than the Malay-Melanau mix. The use of the Malay-Iban mixed language is predominant when compared to the use of the Malay-Melanau mix as this is the language of choice among the three biggest ethnic groups living there (the Malays, Ibans and Chinese) as compared with the Malay-Melanau mix which is used among the Malay and Melanau only.

Keywords: Sarawak, code-mixing, language use, language choice, relationship, multiethnic

PENDAHULUAN

Kajian pilihan bahasa rojak seperti ini perlu dilaksanakan agar dapat memberikan maklumat penting terutamanya mengenai fenomena bahasa perhubungan antara pelbagai suku kaum di Sarawak. Kewujudan bahasa rojak di Sarawak dilihat dapat merapatkan hubungan antara suku kaum dalam berinteraksi dan berkomunikasi antara sesama mereka kerana masing-masing mempunyai bahasa ibunda yang berbeza. Penggunaan bahasa rojak ini dilihat dapat memudahkan interaksi antara suku kaum yang telah lama tinggal bersama dalam satu kawasan.

Kajian bahasa rojak ini berlandaskan kajian pilihan bahasa. Kajian pilihan bahasa terjadi apabila terdapat lebih daripada satu bahasa atau kelainan bahasa digunakan dalam sesuatu komuniti yang mempunyai pelbagai latar belakang, keturunan, bahasa ibunda, budaya dan cara hidup yang berbeza-beza (Fishman, 1972). Anggota komuniti ini akan memilih

satu bahasa yang dapat dan perlu digunakan sebagai bahasa perhubungan antara mereka dalam menjalani kehidupan sehari-hari (Fishman, 1972 dan Holmes, 2001). Bahasa yang dipilih dalam komuniti ini biasanya satu bahasa ataupun campuran beberapa bahasa (bahasa rojak) yang terdapat dalam komuniti berkenaan atau mungkin juga bahasa yang lain tetapi diketahui bersama oleh komuniti tersebut. Bahasa komuniti suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak ialah dialek Melayu Sarawak (suku kaum Melayu), bahasa Iban (suku kaum Iban), bahasa Melanau (suku kaum Melanau) dan bahasa Cina (suku kaum Cina) (Mohammed Azlan Mis, 2011). Bahasa campuran pula mungkin berlandaskan bahasa komuniti atau bahasa ibunda suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak, seperti campuran dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, Melanau atau Cina di samping bahasa bahasa Melayu standard atau bahasa Inggeris.

PILIHAN BAHASA

Merujuk pernyataan Fishman (1972), kajian pilihan bahasa utama perlu mengambil kira penggunaan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai latar belakang bahasa ibundanya. Seseorang itu akan memilih satu bahasa untuk digunakan sebagai bahasa perhubungan daripada pelbagai bahasa yang terdapat dalam masyarakat tersebut. Sekiranya komunikasi antara seseorang dengan seseorang yang berlainan bahasa ibunda, atau bahasa yang tidak diketahui bersama, atau bahasa yang tidak biasa dipilih oleh masyarakat berkenaan komunikasi tidak akan berjaya, tidak lancar, tidak difahami, kurang jelas dan berlaku masalah untuk menyampaikan apa-apa maklumat kepada pendengar atau interlokuter (Fishman, 1991).

Dalam beberapa hal, pilihan bahasa yang berlainan mungkin mewakili bahasa dalam pekerjaan, minat, tempat, masa dan topik yang berlainan (Holmes, 2001). Selain itu, terdapat juga bahasa yang mungkin mewakili kelas sosial (ekonomi, pendidikan, dan bangsa) yang berlainan dalam kalangan penduduk kawasan yang sama (Ervin-Tripp, 1972). Pilihan bahasa wujud apabila terdapatnya pelbagai bahasa dalam himpunan (*repertoire*) komunikasi sesuatu komuniti. Para penutur memilih salah satu bahasa sebagai keperluan untuk berinteraksi dan digunakan dalam topik, situasi dan interlokuter tertentu. Oleh itu, penutur dalam sesuatu komuniti perlu mengetahui alternatif untuk memilih bahasa yang sesuai semasa mereka bertutur dengan merujuk topik, situasi dan interlokuter.

Fishman telah membincangkan beberapa perkara utama mengenai kajian pilihan bahasa berserta konsep domain yang diketengahkan melalui pendekatan *who speaks, what language, to whom and when*. Fishman telah menggunakan domain sebagai kaedah yang khusus untuk mendapatkan maklumat atau data pilihan bahasa dalam masyarakat pelbagai bahasa. Setiap pilihan bahasa yang digunakan dalam masyarakat, seperti di Malaysia, dikongsi bersama dan digunakan oleh setiap ahli masyarakat berkenaan.

Menurut Asmah (1985) pula, bahasa tidak dapat dipisahkan daripada orang yang menuturkannya. Sungguhpun pertuturan hasil daripada kegiatan individu, tetapi bahasa tidak dapat wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu. Secara keseluruhannya, dapat difahami bahawa pilihan bahasa merupakan keperluan sehari-hari dalam kehidupan masyarakat pelbagai bahasa untuk mereka berhubung dan digunakan bersama oleh semua ahli masyarakat tersebut.

Ervin-Tripp (1972) telah melanjutkan lagi perbincangan mengenai konsep domain dalam kajian pemilihan bahasa. Kajian Ervin-Tripp mengaitkan tingkah laku verbal dengan pemegang peranan (peserta), topik, fungsi interaksi dan latar. Semua tingkah laku verbal ini akan mempengaruhi pilihan bahasa seseorang. Pada pendapat Ervin-Tripp, pemegang peranan (peserta), topik, fungsi interaksi dan latar merupakan beberapa domain pilihan bahasa. Menurutnya, pilihan bahasa mempunyai kaitan secara langsung dengan peserta, topik, fungsi interaksi dan juga latar. Peserta merupakan mereka yang terlibat dalam sesuatu komunikasi dan dipengaruhi oleh umur, jantina, pekerjaan, status sosioekonomi, asal, keturunan dan hubungan penutur dengan orang lain (seperti majikan-pekerja, suami-isteri). Topik merujuk hal pekerjaan, sukan dan isu semasa. Fungsi interaksi merupakan sesuatu yang rutin dan biasa dilakukan oleh seseorang. Sesuatu latar pilihan bahasa berkaitan dengan masa dan lokasi sesuatu komunikasi. Latar boleh berubah sekiranya terdapat variasi baharu semasa sesuatu komunikasi berlangsung. Pilihan bahasa akan berubah sekiranya peserta, topik, fungsi interaksi dan juga latar berubah di samping wujudnya perkara yang boleh menghalang atau membatasi sesuatu komunikasi itu berlangsung.

Merujuk kajian yang dibuat oleh Holmes (2001), dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai bahasa, seseorang akan memilih satu bahasa untuk digunakan sebagai bahasa perhubungan. Setiap pilihan bahasa ini dipengaruhi oleh faktor sosial, iaitu siapa bercakap, konteks sosial, fungsi dan topik perbincangan. Menurut Holmes, sekiranya berlaku interaksi

dalam keluarga, peserta yang berkaitan ialah ahli keluarga, lokasi atau latar komunikasi itu di rumah, dan topik yang dibincangkan berkaitan dengan aktiviti kekeluargaan. Semua yang berkaitan dengan interaksi seperti ini ditentukan kerelevanannya dalam menghuraikan pola pilihan bahasa.

Selanjutnya, Asmah (1982) telah mengkaji pilihan bahasa yang merujuk masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Hasil kajian Asmah telah menunjukkan bahawa komunikasi dalam kalangan masyarakat di Malaysia wujud percampuran kod dan peralihan kod. Percampuran kod berlaku apabila sistem bahasa asing mempengaruhi sistem bahasa tempatan, seperti wujudnya beberapa elemen asing berkemungkinan dalam bentuk fonemik, tatabahasa dan juga leksikal dalam bahasa tempatan. Peralihan kod berlaku apabila dua atau lebih ayat daripada pelbagai bahasa digunakan oleh seseorang yang sedang berkomunikasi, sama ada dalam situasi formal ataupun separa formal.

Kajian pilihan bahasa oleh Asmah ini telah dilanjutkan lagi dengan wujudnya bahasa pijin dalam masyarakat yang pelbagai bahasa. Menurut Asmah, bahasa pijin di Malaysia dilihat mengikut perbezaan antara kumpulan linguistik. Contohnya, bahasa Melayu mempunyai pijin bahasa Melayu, begitu juga dengan bahasa Inggeris, Hokkien dan juga Kantonis (pijin Hokkien dan Kantonis merupakan yang terbesar dalam kalangan masyarakat Cina). Dengan merujuk kajian ini, dapat difahami bahawa fenomena pemilihan bahasa di Malaysia berlaku dalam tiga bentuk, iaitu percampuran kod, peralihan kod dan juga pijin. Secara keseluruhannya, pilihan bahasa di Malaysia dianggap sesuatu yang perlu apabila setiap rakyat Malaysia yang bahasa ibundanya pelbagai bahasa, bergaul dan berinteraksi untuk memenuhi keperluan hidup sehari-hari dan keadaan ini berlaku di mana-mana sahaja.

BAHASA ROJAK

Bahasa rojak menjadi satu tanda baharu bagi kewujudan fenomena bahasa kacukan (Awang Sariyan, 2006). Sesetengah orang berpendapat, fenomena bahasa rojak atau bahasa yang bercampur aduk tidak lebih daripada bersifat fesyen semasa semata-mata. Isu tersebut telah menjadi isu yang hangat diperkatakan. Selain isu nasib bahasa Melayu yang semakin terpinggir atau tidak diberikan keutamaan pada tempat dan haknya yang wajar, Awang Sariyan juga melihat gejala bahasa rojak dan kata serapan. Pada masa sekarang, bahasa Melayu telah menerima sekian banyak istilah

dan kata daripada bahasa Barat, terutamanya daripada bahasa Inggeris. Menurutnya, tidak ada salahnya kita mengambil kata daripada bahasa asing untuk tujuan memperkaya ilmu, kebudayaan dan pemikiran bangsa, namun, pengaruh bahasa asing itu tentulah perlu diserap dan diambil secara sistematik dan sedapatnya ditapis melalui sistem bahasa Melayu.

Menurut Asmah (2007), bahasa rojak sebenarnya bahasa campur kod dan alih kod. Dalam sesuatu pertuturan atau perbualan, sama ada antara kaum yang berbeza, seperti dalam filem dan pekerjaan atau profesion seseorang, boleh berlaku salah satunya dan boleh berlaku kedua-duanya. Yang dimaksudkan dengan bahasa rojak ialah wujudnya perkataan atau frasa daripada bahasa asing dalam bahasa yang dituturkan. Gejala ini merupakan ciri yang sangat lazim dalam pertuturan orang di Malaysia daripada semua suku kaum, dan melibatkan semua peringkat sosial, apatah lagi dalam filem yang berbentuk komersial. Merujuk konsep yang telah dikemukakan oleh Asmah, mereka mempunyai bahasa matriks, iaitu bahasa Melayu. Oleh sebab bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua, maka kod daripada bahasa Inggeris seolah-olah timbul dengan sendirinya dalam pertuturan mereka.

Hasil kajian Su'ad Awad (2007) pula, beliau berpendapat bahawa "bahasa rojak menggambarkan penggunaan bahasa yang sebenar di Malaysia". Bahasa seperti ini akan terus diamalkan kerana sikap pengguna suka menggunakan bahasa rojak. Hassan Ahmad (2007) juga telah melihat bahasa rojak dari sudut sikap pengguna bahasa di Malaysia. Menurut beliau, pengguna bahasa rojak ialah "... orang yang mengalami kecelaruan pemikiran". Kecelaruan pemikiran ini, terutamanya dalam kalangan orang Melayu daripada semua golongan, iaitu pemimpin, ahli politik, ahli perniagaan, pegawai tadbir, pengacara program TV, pelakon, orang Melayu biasa dan anehnya termasuk ahli bahasa Melayu dan sarjana kesusasteraan Melayu. Selain itu, beliau mendapati bahasa Melayu tidak pernah atau jarang-jarang digunakan sepenuhnya dalam apa-apa juga komunikasi lisan, baik dalam komunikasi formal atau tidak formal. Orang Melayu daripada semua golongan lebih mudah berhubung dan berkomunikasi menggunakan bahasa rojak. Mereka dikatakan tidak boleh berfikir dan berurusan tanpa menggunakan bahasa rojak.

Penggunaan bahasa rojak oleh seseorang sangat didorong oleh faktor sedar, sama ada bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris. Dalam hal ini, bahasa rojak bukan setakat disebabkan oleh masalah penguasaan dan kemahiran tetapi sangat bergantung pada keperluan dan penerimaan masyarakat sekeliling. Walaupun banyak isu yang dikaitkan dengan

penggunaan bahasa rojak di Malaysia, namun penggunaan bahasa rojak tidak dapat dielakkan kerana terdapat banyak bahasa lain yang dituturkan oleh pelbagai bangsa yang berlainan di Malaysia. Bahasa rojak seperti ini dilihat sebagai satu keperluan dalam masyarakat kerana dapat merapatkan hubungan kaum yang pelbagai, memudahkan interaksi dan komunikasi antara mereka. Bahasa rojak juga penting sebagai bahasa alternatif yang dapat digunakan oleh semua pihak atas tujuan dan matlamat untuk berada dalam satu masyarakat yang mempunyai pelbagai kaum dan latar belakang bahasa ibunda yang berbeza-beza.

KAEDAH PENELITIAN

Kaedah utama yang dilaksanakan untuk mendapatkan data penggunaan bahasa rojak di negeri Sarawak ini melalui kerja lapangan dengan menggunakan borang soal selidik. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara menyeluruh dalam kawasan yang luas, atau meliputi jumlah responden yang besar di negeri Sarawak ini berdasarkan suku kaum, iaitu suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Semua maklumat dianalisis secara peratusan dan dipaparkan dalam bentuk jadual.

KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian yang dipilih ialah sebuah bandar di negeri Sarawak, iaitu bandar Sarikei. Secara amnya, bandar Sarikei terletak dalam Bahagian Keenam (Bahagian Sarikei). Dalam Bahagian Sarikei, terdapat empat daerah yang utama, iaitu daerah Sarikei, Meradong, Julau, dan Pakan. Bandar Sarikei terletak di muara sungai Rejang, iaitu sungai yang terpanjang di Malaysia. Dari segi topografi, bandar Sarikei mempunyai bentuk muka bumi yang berbeza-beza, iaitu kawasan yang berbukit-bukau, tanah gambut dan paya nipah-bakau (<http://www.sarikeiro.sarawak.gov.my>).

Jumlah keseluruhan penduduk Bahagian Sarikei (banci tahun 2005) seramai 120 045. Suku kaum Iban merupakan penduduk yang paling ramai dengan jumlah 60 574 orang. Suku kaum Cina berjumlah 34 762 orang, suku kaum Melayu berjumlah 12 754 orang dan Melanau 11 189 orang. Penduduk lain berjumlah 766 orang. Sekiranya dirujuk jumlah penduduk negeri Sarawak yang berjumlah 2 376 800 orang, secara keseluruhannya,

Jadual 1 Jumlah penduduk di Sarikei mengikut suku kaum.

Suku Kaum	Bil. Orang	%
Melayu	12 754	11
Iban	60 574	50
Melanau	11 189	9
Cina	34 762	29
Lain-lain	766	1
Jumlah	120 045	100

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Sarawak 2005)

penduduk Bahagian Sarikei hanya dalam lingkungan 20 peratus sahaja daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri Sarawak. Jadual 1 menunjukkan jumlah penduduk Bahagian Sarikei mengikut pecahan suku kaum.

Bandar Sarikei dipilih sebagai kawasan kajian disebabkan bandar ini mempunyai kepelbagaian suku kaum dan juga bahasa yang dituturkan jika dibandingkan dengan kawasan yang lain di Sarawak. Oleh itu, penggunaan bahasa rojak di bandar Sarikei ini dilihat ada kewajarannya kerana penduduknya yang terdiri daripada pelbagai suku kaum utama di Sarawak.

RESPONDEN

Saiz sampel yang dibincangkan dalam bahagian ini terdiri daripada responden yang menjawab soal selidik. Penentuan saiz sampel kajian ini berdasarkan pengiraan Krejcie dan Morgan (1970) (dlm. Chua Yan Piaw, 2006:185) yang telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan

Jadual 2 Saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

Populasi (orang)	Sampel
Setiap 100 000	384

Jadual 3 Saiz sampel kajian bahasa rojak di Sarikei.

Populasi Penduduk Sarikei	Sampel Kajian
121 628 orang	Soal Selidik
	400 orang

saiz populasi kajian. Jadual 2 dan 3 menunjukkan saiz populasi kajian daripada 121 628 orang penduduk Sarikei dan jumlah sampel yang sesuai dengan saiz populasi itu ialah 384 orang mengikut saiz sampel Krejcie dan Morgan (dalam Chua Yan Piaw, 2006:185). Walau bagaimanapun, jumlah ini telah dipermudah kepada 400 orang secara keseluruhannya.

Jadual 4 menunjukkan jumlah keseluruhan sampel untuk kajian ini. Jumlah sampel telah dibahagikan mengikut bilangan populasi sebenar penduduk Sarikei berdasarkan suku kaum, iaitu suku kaum Melayu (40 orang), Iban (200 orang), Cina (120 orang) dan Melanau (40 orang).

Jadual 4 Saiz sampel kajian untuk soal selidik.

Kaedah	Saiz Sampel (orang)	
Soal Selidik	Suku Kaum	
	Melayu	40
	Iban	200
	Cina	120
	Melanau	40
	Jumlah	400

BORANG SOAL SELIDIK

Seramai 400 orang responden yang terdiri daripada suku kaum Melayu, Iban, Melanau, dan Cina diminta untuk menjawab soalan dalam borang soal selidik. Responden ini dipilih secara rawak di Sarikei. Secara lebih terperinci, soalan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soalan tertutup dan mengandungi jawapan aneka pilihan. Responden hanya perlu menanda (✓) berpandukan jawapan yang telah disediakan (Rujuk Lampiran – Borang Soal Selidik).

Analisis pilihan bahasa ini diatur dengan jelas untuk menerangkan pilihan bahasa rojak oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di Sarikei secara lebih khusus dan teratur. Tiap-tiap satu soalan dalam borang soal selidik menanyakan satu soalan sahaja. Dengan cara ini, soalan yang dikemukakan kepada responden tidak akan berlaku pertindanan, dan dapat mengelakkan masalah dan kesukaran kepada responden untuk memberikan interpretasi yang sewajarnya.

PILIHAN BAHASA RESPONDEN MELAYU

Bahagian ini akan membincangkan pilihan bahasa responden Melayu di Sarikei. Jadual 5 memaparkan jumlah pilihan bahasa untuk responden Melayu tersebut.

Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban

Jadual 5 diperoleh daripada pilihan bahasa responden Melayu yang memilih bahasa rojak Melayu-Iban secara keseluruhannya. Pilihan bahasa oleh responden Melayu melibatkan komunikasi sesama Melayu, orang Iban, Melanau dan Cina di Sarikei.

Jadual 5 Pilihan bahasa rojak Melayu-Iban oleh responden Melayu.

Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban oleh Responden Melayu					Jumlah
Interlokuter	Melayu	Iban	Cina	Melanau	Keseluruhan
Jumlah	37	167	147	-	351
%	11	48	41	0	100

Pilihan bahasa rojak Melayu-Iban oleh responden Melayu di Sarikei berjumlah 351 orang dan digunakan untuk berinteraksi dengan tiga suku kaum, iaitu sesama Melayu, Iban dan Cina. Didapati bahawa pilihan bahasa rojak Melayu-Iban sebagai pilihan utama ketika responden Melayu berkomunikasi dengan suku kaum Iban berbanding dengan bahasa yang lain.

Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Melanau

Jadual 6 diperoleh daripada responden Melayu yang memilih bahasa rojak Melayu-Melanau secara keseluruhannya. Bahasa ini merupakan pilihan responden Melayu yang melibatkan suku kaum Melanau di Sarikei.

Jadual 6 Pilihan bahasa rojak Melayu-Melanau oleh responden Melayu.

Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban oleh Responden Melayu					Jumlah
Interlokuter	Melayu	Iban	Cina	Melanau	Keseluruhan
Jumlah	-	-	-	125	125
%	0	0	-	100	100

Pilihan bahasa rojak Melayu-Melanau oleh responden Melayu di Sarikei berjumlah 125 orang dan digunakan dengan suku kaum Melanau sahaja.

Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melayu

Jadual 7 Jumlah keseluruhan pilihan bahasa oleh responden Melayu.

Responden Melayu	Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Rojak		Jumlah
	Bahasa Rojak Melayu-Iban	Bahasa Rojak Melayu-Melanau	
	351	125	
%	73.7	26.3	100

Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu di Sarikei ialah 476 orang. Responden Melayu di Sarikei telah memilih bahasa rojak Melayu-Iban, iaitu 73.7 peratus dan bahasa rojak Melayu-Melanau 26.3 peratus.

PILIHAN BAHASA RESPONDEN IBAN

Bahagian ini akan membincangkan pilihan bahasa responden Iban di Sarikei. Jadual 8 memaparkan jumlah pilihan bahasa untuk responden Iban.

Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban

Jadual 8 diperoleh daripada responden Iban yang memilih bahasa rojak Melayu-Iban secara keseluruhannya. Pilihan bahasa ini merupakan pilihan responden Iban yang melibatkan sesama Iban, Melayu, Cina dan Melanau di Sarikei.

Jadual 8 Jumlah keseluruhan pilihan bahasa Rojak Melayu-Iban oleh responden Iban.

Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban oleh Responden Iban					Jumlah Keseluruhan
Interlokuter	Iban	Melayu	Cina	Melanau	
Jumlah	150	709	730	337	1926
%	8	37	38	17	100

Pilihan bahasa rojak Melayu-Iban oleh responden Iban di Sarikei berjumlah 1926 orang. Bahasa rojak ini digunakan untuk berinteraksi dengan empat suku kaum, iaitu sesama Iban, Melayu, Cina dan Melanau. Didapati bahawa pilihan bahasa rojak Melayu-Iban oleh responden Iban yang utama digunakan ketika mereka berkomunikasi dengan suku kaum Cina di Sarikei jika dibandingkan dengan bahasa yang lain.

Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Iban

Jadual 9 Jumlah keseluruhan pilihan oleh responden Iban.

Responden Iban	Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Rojak		Jumlah
	Bahasa Rojak Melayu-Iban	Bahasa Rojak Melayu-Melanau	
	1926	0	
%	100	0	100

Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Iban di Sarikei ialah 1926 orang. Responden Iban di Sarikei telah memilih bahasa rojak Melayu-Iban sahaja, iaitu 100 peratus.

PILIHAN BAHASA RESPONDEN CINA

Bahagian ini akan membincangkan pilihan bahasa rojak responden Cina di Sarikei.

Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban

Jadual 10 diperoleh daripada pilihan bahasa responden Cina yang memilih bahasa rojak Melayu-Iban secara keseluruhannya. Pilihan bahasa ini merupakan pilihan responden Cina yang melibatkan kaum Melayu, Iban dan Melanau.

Jadual 10 Pilihan bahasa rojak Melayu-Iban oleh responden Cina.

Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban oleh Responden Cina					Jumlah Keseluruhan
Interlokuter	Cina	Melayu	Iban	Melanau	
Jumlah	-	520	473	312	1305
%	0	40	38	24	100

Pilihan bahasa rojak Melayu-Iban oleh responden Cina di Sarikei berjumlah 1305 orang dan digunakan dengan tiga suku kaum, iaitu suku kaum Melayu, Iban dan Melanau. Didapati pilihan bahasa rojak Melayu-Iban oleh responden Cina sebagai pilihan yang utama ketika mereka berkomunikasi dengan suku kaum Melayu jika dibandingkan dengan bahasa yang lain.

Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Cina

Jadual 11 Jumlah keseluruhan pilihan bahasa rojak responden Cina.

Responden Melayu	Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Rojak		Jumlah
	Bahasa Rojak Melayu-Iban	Bahasa Rojak Melayu-Melanau	
	1305	-	1305
%	100	0	100

Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Cina di Sarikei ialah 1305 orang. Responden Cina di Sarikei memilih bahasa rojak Melayu-Iban sahaja, iaitu 100 peratus.

PILIHAN BAHASA RESPONDEN MELANAU

Bahagian ini akan membincangkan pilihan bahasa responden Melanau di Sarikei.

Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Melanau

Jadual 12 diperoleh daripada responden Melanau yang memilih bahasa dialek Melayu Sarawak secara keseluruhannya. Pilihan bahasa ini merupakan pilihan responden Melanau yang melibatkan sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina.

Pilihan bahasa rojak Melayu-Melanau oleh responden Melanau di Sarikei berjumlah 482 orang dan digunakan dengan empat suku kaum, iaitu sesama Melanau, kaum Melayu, Iban dan Cina. Didapati bahawa pilihan bahasa rojak Melayu-Melanau oleh responden Melanau sebagai

Jadual 12 Pilihan bahasa rojak Melayu-Melanau oleh responden Melanau.

Pilihan Bahasa Rojak Melayu-Iban oleh Responden Melanau					Jumlah
Interlokuter	Melanau	Melayu	Iban	Cina	Keseluruhan
Jumlah	206	166	55	55	482
%	44	34	11	11	100

pilihan yang utama ketika mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau jika dibandingkan dengan bahasa yang lain.

Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melanau

Jadual 13 Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau.

Responden Melanau	Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Rojak		Jumlah
	Bahasa Rojak Melayu-Iban	Bahasa Rojak Melayu-Melanau	
	-	482	482
%	0	100	100

Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau di Sarikei ialah 482 orang. Responden Melanau di Sarikei memilih bahasa rojak Melayu-Melanau 100 peratus.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan dan hasil kajian ini menentukan kecenderungan pilihan bahasa rojak suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di Sarikei. Suku kaum Melayu cenderung memilih bahasa rojak, iaitu bahasa rojak Melayu-Iban sebagai pilihan utama dan bahasa rojak Melayu-Melanau sebagai pilihan kedua. Suku kaum Iban di Sarikei pula cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban dan sebagai bahasa utama. Suku kaum Iban memilih bahasa rojak Melayu-Iban apabila mereka berinteraksi sesama Iban, Melayu, Melanau dan Cina. Suku kaum Cina di Sarikei juga mempunyai kecenderungan yang tinggi menggunakan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa rojak ini digunakan oleh suku kaum Cina apabila mereka berinteraksi dengan suku kaum Melayu, Iban dan Melanau. Suku kaum Melanau memilih bahasa rojak Melayu-Melanau sebagai bahasa

rojak utama dalam perhubungan sehari-hari, sama ada ketika mereka berinteraksi sesama Melanau atau semasa mereka berinteraksi dengan suku kaum Melayu, Iban, dan Cina.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti dua pilihan bahasa rojak yang digunakan di bandar Sarikei oleh empat suku kaum, iaitu Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Dapatan ini telah mengenal pasti bahasa rojak yang digunakan oleh suku kaum yang pelbagai ketika berhubung, iaitu bahasa rojak Melayu-Iban dan bahasa rojak Melayu-Melanau. Walau bagaimanapun, antara bahasa tersebut, bahasa rojak yang utama ialah bahasa rojak Melayu-Iban, dan keduanya bahasa rojak Melayu-Melanau. Daripada dapatan dan hasil kajian ini telah dapat ditentukan kecenderungan pilihan bahasa rojak suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di Sarikei. Suku kaum Melayu cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban apabila berinteraksi dengan suku kaum Iban dan Cina. Suku kaum Iban di Sarikei pula cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Iban sebagai bahasa utama apabila mereka berinteraksi dengan suku kaum Melayu, Melanau dan Cina.

Suku kaum Cina di Sarikei juga mempunyai kecenderungan yang tinggi menggunakan bahasa rojak Melayu-Iban. Bahasa rojak ini digunakan oleh suku kaum Cina apabila mereka berinteraksi dengan suku kaum Melayu, Iban dan Melanau. Suku kaum Melanau didapati memilih bahasa rojak Melayu-Melanau Sarawak sebagai bahasa perhubungan sehari-hari, sama ada ketika mereka berinteraksi sesama Melanau atau semasa mereka berinteraksi dengan suku kaum Melayu, Iban, dan Cina. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan dan mengenal pasti bahawa bahasa rojak sebagai pilihan dan bahasa perhubungan sehari-hari antara suku kaum yang pelbagai di Sarikei.

Kajian pilihan bahasa di Sarikei ini sememangnya masih terbatas di kawasan bandar Sarikei dan suku kaum di dalamnya. Mungkin ada persamaan dan perbezaan pilihan bahasa dengan kawasan lain di Sarawak bergantung pada komposisi suku kaumnya. Walaupun demikian, dapat diduga bahawa bahasa rojak Melayu-Iban merupakan salah satu bahasa utama selain bahasa rojak Melayu-Melanau. Kajian ini juga menunjukkan bahawa sesuatu komuniti yang pelbagai bahasa akan mempunyai lebih daripada satu bahasa rojak.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1982. *Language and Society in Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2001. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2007. "Taksonomi Pertemuan Bahasa: Di Manakah Letaknya Bahasa Rojak?" Kertas kerja dalam Seminar Bahasa Rojak: Kecelaruhan Penggunaan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 18-19 Julai 2007.
- Chua Yan Piaw, 2006. *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Ervin-Tripp, S., 1972. "An Analysis of Interaction of Language, Topic, and Listener" dlm. Fishman (ed.), *Reading in Sociology of Language*. Mouton: The Hague-Paris.
- Fishman, Joshua A., 1972a. *The Sociology of Language*. Rowley, Mass: New Bury House.
- Fishman, Joshua A., 1972b. "The Relation between Micro and Macro Sociolinguistics in the story of Who Speaks What Language to Whom and When" dlm. *Language in Sociocultural Change* oleh Anwar D. Dil. California: Stanford University Press.
- Hassan Ahmad, 2009. "Lidah Terputus, Bahasa dan Bangsa Pupus" dlm. *Dewan Bahasa* Jilid 9. Bil 4, April 2009.
- Holmes, Janet, 2001. *An Introduction to Sociolinguistics*. Second Edition. Longman: Malaysia.
- [http:// www.sarikeiro.sarawak.gov.my](http://www.sarikeiro.sarawak.gov.my) (Capaian 28 Mei 2008).
- Jabatan Perangkaan Malaysia, Sarawak 2005.
- Mohammed Azlan Mis, 2010. "Lingua Franca Di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa" dlm. *Gema Online Journal Volume* 10:2, 2010.
- Su'ad Awad, 2007. "Rojak (Pasembor?) Melayu: Identiti Linguistik dan Sosial Bahasa Sembang Internet". Kertas kerja dalam Seminar Bahasa Rojak: Kecelaruhan Penggunaan Bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 18-19 Julai 2007.

LAMPIRAN 1

(Contoh Borang Soal Selidik yang Digunakan untuk Kajian ini)

BORANG SOAL SELIDIK

Tajuk

**KAJIAN PILIHAN BAHASA ANTARA SUKU KAUM
DI SARIKEI, SARAWAK**

Soalan borang soal selidik ini mengandungi 4 bahagian, iaitu:

- Bahagian A untuk responden suku kaum Melayu sahaja
- Bahagian B untuk responden Iban sahaja
- Bahagian C untuk responden Cina sahaja
- Bahagian D untuk responden Melanau sahaja.

NAMA:

Tandakan SUKU KAUM:

Melayu Sarawak	
Iban	
Cina	
Melanau	
Lain-lain	Nyatakan.....

ALAMAT:

Arahan:

1. Tandakan √ merujuk bahasa yang anda pilih mengikut domain.
2. Anda boleh menanda lebih dari satu sekiranya anda menggunakan beberapa bahasa dalam komunikasi sehari-hari anda.
3. Saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas kerjasama anda.

Bahagian A (Untuk Responden Melayu sahaja/)

Soalan Penggunaan dan Pilihan Bahasa Responden Melayu

1. Suku kaum Melayu berinteraksi dengan suku kaum Iban.

Bahasa Yang Dipilih Tandakan ✓

Dialek Melayu	Tandakan
Iban	
Rojak Dialek Melayu-Iban	
Rojak Dialek Melayu-Melanau	
Bahasa Ibunda (Cina/Melanau)	
Bahasa yang lain	Nyatakan

2. Suku kaum Melayu berinteraksi dengan suku kaum Cina.

Dialek Melayu	Tandakan
Iban	
Rojak Dialek Melayu-Iban	
Rojak Dialek Melayu-Melanau	
Bahasa Ibunda (Cina/Melanau)	
Bahasa yang lain	Nyatakan

3. Suku kaum Melayu berinteraksi dengan suku kaum Melanau.

Dialek Melayu	Tandakan
Iban	
Rojak Dialek Melayu-Iban	
Rojak Dialek Melayu-Melanau	
Bahasa Ibunda (Cina/Melanau)	
Bahasa yang lain	Nyatakan

Bahagian B (Untuk Responden Iban sahaja)

Soalan Penggunaan dan Pilihan Bahasa Responden Iban.

a. Suku kaum Iban berinteraksi dengan suku kaum Melayu.

Dialek Melayu	Tandakan
Iban	
Rojak Dialek Melayu-Iban	
Rojak Dialek Melayu-Melanau	
Bahasa Ibunda (Cina/Melanau)	
Bahasa yang lain	Nyatakan

b. Suku kaum Iban berinteraksi dengan suku kaum Cina.

Dialek Melayu	Tandakan
Iban	
Rojak Dialek Melayu-Iban	
Rojak Dialek Melayu-Melanau	
Bahasa Ibunda (Cina/Melanau)	
Bahasa yang lain	Nyatakan

c. Suku kaum Iban berinteraksi dengan suku kaum Melanau.

Dialek Melayu	Tandakan
Iban	
Rojak Dialek Melayu-Iban	
Rojak Dialek Melayu-Melanau	
Bahasa Ibunda (Cina/Melanau)	
Bahasa yang lain	Nyatakan